

Proton tawar diskaun alat ganti kepada mangsa banjir

KUALA LUMPUR 20 Dis. - Proton Holding Berhad (Proton) memberi diskaur khas kepada pemilik kereta Proton untuk membeli alat ganti dan kos baiki kereta mereka yang rosak akibat banjir di semua negeri yang terbabit.

Pengarahnya, Datuk Syed Zainal Abidir Syed Mohamed Tahir berkata, pemilik kereta yang terlibat dinasihatkan mendapat pemeriksaan daripada Pusat Servis Proton Edar atau juruteknik bertauliah bagi membolehkan mereka mendapatkan diskaur tersebut.

Katanya, diskaun menarik melalui pakej yang ditawarkan itu, sekurang-kurangnya akan membantu meringankan beban pemilik kereta Proton yang terlibat.

“Ini adalah sebahagian daripada teras falsafah menjaga pengguna melalui operasi yang dijalankan oleh kami,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pelanggan yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan diskaun dan khidmat yang ditawarkan oleh Proton boleh menghubungi Pusat Servis Proton Edar berdekatan atau menghubungi Proton i.Care di talian 1300-880-888.